



# **Lembaran Pendedahan Produk Pembangunan Semula Kredit Eksport Islam-i**

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam-i. Jika permohonan anda telah diluluskan, pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran sebelum menerima tawaran Bank untuk kemudahan tersebut. Sila rujuk pengurus perhubungan anda jika anda memerlukan penjelasan tentang terma tersebut.</p>	 <b>ALLIANCE ISLAMIC BANK</b> <small>Alliance Islamic Bank Berhad 200701018870 (776882-V)</small> <p><b>Nama produk:</b> Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam-i (IECR)</p>
<b>1. Apakah produk ini?</b>	
<p><b>Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam-i (IECR)</b> adalah kemudahan pembiayaan perdagangan jangka pendek yang ditawarkan kepada pengeksport langsung / tidak langsung untuk memudahkan pengeksportan produk perkilangan, produk pertanian dan komoditi utama yang ‘halal’ (“barangan halal”).</p>	
<p>IECR ditawarkan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>IECR (sebelum penghantaran)</b> – Disediakan untuk pengeksport langsung/tidak langsung bagi memudahkan pengeluaran barang yang layak dieksport sebelum penghantaran. Selain pembelian barang, pembiayaan juga mungkin termasuk perbelanjaan langsung seperti kos yang akan ditanggung berhubung dengan pembelian barang. Perbelanjaan tidak langsung seperti kos overhed tidak dibiayai oleh IECR.</li> <li><b>IECR (selepas penghantaran)</b> – Disediakan untuk pengeksport langsung yang mengeksport produk yang layak pada tempoh segera/syarat kredit setelah dokumen eksport diserahkan selepas penghantaran barang.</li> </ol>	
<p>*Input dan produk akhir yang akan dieksport mestilah "Halal". 'Barangan halal' merujuk kepada barangan yang tidak dilarang oleh undang-undang Syariah. Sila rujuk kepada pengurus perhubungan anda untuk mendapat pengesahan sama ada barangan yang akan dibiayai berada dalam senarai barangan yang dilarang oleh Syariah.</p>	
<b>2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?</b>	
<p>IECR (sebelum penghantaran) struktur berdasarkan kontrak Syariah <i>wakalah</i> (agensi) dan <i>murabahah</i> (kos ditambah keuntungan).</p> <p><b><u>Wakalah (agensi)</u></b> Bank melantik Pelanggan (pengeksport) sebagai ejen pembeliannya melalui dokumen Pelantikan Agensi yang dilaksanakan apabila surat tawaran diterima. Bagi setiap permohonan pembiayaan, Pelanggan akan membeli barangan bagi pihak Bank.</p> <p><b><u>Murabahah (kos ditambah keuntungan)</u></b> Pembelian oleh Pelanggan (pengeksport) diikuti dengan kontrak jualan di mana Bank menjual barangan kepada Pelanggan pada syarat pembayaran tertunda mengikut Harga Jualan Bank bersamaan dengan amaun pembiayaan ditambah keuntungan.</p> <p>IECR (selepas penghantaran) struktur berdasarkan kontrak Syariah <i>bai al-dayn</i> (agensi) dan <i>murabahah</i> (kos ditambah keuntungan).</p> <p><b><u>Wakalah (agensi)</u></b> Bank melantik Pelanggan (pengeksport) sebagai ejen pengutipannya melalui dokumen Pelantikan Agensi yang dilaksanakan apabila surat tawaran diterima.</p> <p><b><u>Bai' al-dayn (penjualan hutang)</u></b> Oleh sebab syarat pembayaran tertunda diberikan kepada pengimport untuk barangan yang dihantar, Pelanggan (pengeksport) menjual bil eksport (hutang) kepada Bank untuk mendapatkan dana segera. Apabila Pelanggan menerima bayaran daripada bank pengimport pada tarikh yang akan datang, dana akan digunakan untuk menyelesaikan pembiayaan IECR pada tarikh matang.</p>	
<b>3. Apa yang saya peroleh daripada produk ini?</b>	
<p>a) <b>Amaun Pembiayaan:</b> Amaun pembiayaan untuk setiap transaksi IECR adalah tertakluk kepada amaun yang diinvois oleh pembekal pelanggan (sebelum penghantaran IECR) atau nilai bil eksport (selepas penghantaran IECR) yang dikemukakan kepada Bank.</p>	

**b) Margin pembiayaan:**Sebelum penghantaran IEGR

Pengeksport langsung – sehingga 95% atas nilai pesanan eksport

Pengeksport tidak langsung – sehingga 95% surat kredit-i domestik IEGR, pesanan belian domestik atau pesanan belian tempatan IEGR.

Selepas penghantaran IEGR

Margin pembiayaan adalah sehingga maksimum 100% nilai bil eksport, tertakluk kepada ketersediaan had kredit IEGR dengan Bank dan had pentadbiran EXIM Bank.

**c) Tempoh Pembiayaan:**

Sebelum penghantaran – Sehingga maksimum 120 hari

Selepas penghantaran – Sehingga maksimum 183 hari

Tempoh pembiayaan yang diberikan untuk kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian kredit Bank.

**d) Harga: Kadar Pembiayaan Asas (BFR)\* + spread pembiayaan (%) setahun.****4. Apakah tanggungjawab saya?**

a) **Payment of Bank's Selling Price:** The principal drawn and profit for the tenure of the financing is payable in full on the maturity date.

**b) Kaedah pembayaran:**Sebelum penghantaran IEGR

Pengeksport langsung – Hasil eksport atau hasil selepas penghantaran

Pengeksport tidak langsung – Hasil daripada pengeksport langsung

Selepas penghantaran IEGR

Penerimaan hasil eksport atau kematangan bil selepas penghantaran, yang mana lebih awal

c) **Semakan berkala:** Untuk menyediakan maklumat yang diperlukan bagi Bank menjalankan semakan berkala ke atas kemudahan anda.

**5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

Sila minta yuran dan caj standard Bank untuk kemudahan perdagangan daripada Pengurus Perhubungan anda dan rujuk kepada Garis Panduan ECR-i Bank EXIM yang terkini. Jika terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas kemudahan pembiayaan anda, Bank akan memberikan notis 21 hari kalender sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak akan termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah perundangan yang berkaitan. Sekiranya mana-mana cukai tersebut dilaksanakan pada masa hadapan dan bila-bila masa yang berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.

**6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?**

- Caj Pembayaran Lewat ("CPL") akan dikenakan:

Sekiranya berlaku keingkaran/tiada bayaran selepas tarikh matang Kemudahan, Bank akan mengenakan yuran pembayaran lewat sebagai pampasan (ta'widh) pada kos sebenar Bank sehingga kadar pampasan tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) semalam lazim yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru). Walau apa pun perkara di atas, aman pampasan tidak boleh dikompaun.

**Formula:**

Caj Pembayaran Lewat = Baki tertunggak x kadar CPL x Bilangan hari tertunggak / 365 hari

\*Nota: Tarikh di mana pembiayaan menjadi tertunggak dan perlu dibayar dengan serta-merta disebabkan telah Kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman.

Ilustrasi pengiraan CPL:

Baki tertunggak	RM100,821.92
Kadar CPL	1.72%

Bilangan hari tertunggak	10 days
Amaun CPL	$\frac{\text{RM}100,821.92 \times 1.72\% \times 10 \text{ hari}}{365}$ = RM47.51

CPL yang dikenakan akan meningkatkan jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank.

- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikenakan dengan Bank terhadap apa-apa baki tertunggak di bawah kemudahan, tertakluk kepada pemberian notis 7 hari kalender terlebih dahulu jika anda gagal menjelaskan amaun yang perlu dibayar pada tarikh matang.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin anda (jika ada) jika anda gagal membalaas notis peringatan untuk pembayaran dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengannya. Cagaran (jika ada) yang menjamin kemudahan juga mungkin akan dibubarkan atau dirampas untuk menyelesaikan amaun tertunggak.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjelaskan penarafan kredit anda dan ini akan menjelaskan keupayaan anda untuk memperoleh kemudahan tambahan daripada bank.

#### 7. Bagaimana jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Kemudahan ini boleh ditebus pada bila-bila masa sebelum tempoh matang Kemudahan tertakluk kepada pemberian notis bertulis sekurang-kurangnya 1 bulan terlebih dahulu kepada Bank.
- Yuran penyelesaian awal sebanyak 3% daripada amaun asal kemudahan perlu dibayar untuk penamatkan awal kemudahan (tidak boleh digunakan untuk pelanggan PKS).
- Bank akan memberikan *Ibra'* (rebate) pada tarikh penyelesaian berdasarkan formula seperti yang dinyatakan di bawah sekiranya berlaku mana-mana senario berikut:
  - i. Penebusan / penyelesaian awal, di mana pelanggan telah memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank;
  - ii. Penyelesaian disebabkan oleh penstruktur semula kemudahan pembiayaan;
  - iii. Penyelesaian oleh pelanggan di mana kemudahan pembiayaan telah ingkar / selepas Bank melaksanakan prosiding perampasan dan melelong aset yang dicagarkan sebagai cagaran;
  - iv. Penyelesaian oleh pelanggan sekiranya berlaku penamatkan atau pembatalan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Formula:

**Amaun Penyelesaian = Amaun Tertunggak Kemudahan + Untung perlu dibayar – *Ibra'* (rebate) + Caj Pembayaran Lewat (jika ada) + Caj Pelbagai (jika ada)**

Di mana:

***Ibra'* (rebate) = Untung tertunda – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)**

#### Nota:

Baki keuntungan belum diperoleh adalah sama dengan keuntungan tidak terealisasi pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan *Ibra'* (rebate) dibuat mengikut Garis Panduan *Ibra'* (Rebat) bagi Pembiayaan Berasaskan Jualan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

#### 8. Apakah risiko utama?

- Jika anda tidak menuaikan kewajipan pembayaran anda, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank untuk tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda dan untuk mendapatkan semula kemudahan yang tertunggak.
- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran.

#### 9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: - Tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.
- Penjamin: - Tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.

#### 10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### 11. Di mana saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh hubungi kami di:  
**Alliance Islamic Bank Berhad, Unit Aduan Kumpulan, Tingkat 15, Menara Multi Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2604 3300 Faks: 03-2691 8229 E-mel: [info@alliancecfg.com](mailto:info@alliancecfg.com)**
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstruktur semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur**

**Tel: 1-800-22-2575 Faks: 03 – 2616 7601 E-mel: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:  
**Laman Informasi Nasihat & Khidmat, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur**  
**Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-2174 1515 E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)**

#### 12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ingin mendapat maklumat tambahan tentang kemudahan dan perkhidmatan kami, sila hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan atau rujuk laman web Bank kami di  
[www.allianceislamicbank.com.my](http://www.allianceislamicbank.com.my)

#### 13. Produk dan perkhidmatan perniagaan lain yang disediakan:

Bil.	Perkhidmatan
1.	Pembiayaan Perdagangan dan Perkhidmatan Islam
2.	Kemudahan Cashline-i
3.	Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i
4.	Pembiayaan Berjangka Biz Prop-i
5.	Sewa Beli Industri-i

#### 14. Penafian

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai kewajipan oleh Bank untuk memberikan kemudahan kepada anda. Terma di sini adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah pada [masukkan tarikh].

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN ANDA UNTUK KEMUDAHAN.**

#### PENGAKUAN OLEH PELANGGAN:

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk, terma penting dan kewajipan yang berkaitan dengannya. Saya/kami memahami bahawa lembaran pendedahan produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran oleh Bank atau kewajipan Bank untuk memberikan sebarang kemudahan kepada kami.

\_\_\_\_\_  
Nama:  
Tarikh:

